

Pendidikan Prasekolah

Pendidikan di peringkat prasekolah adalah penting bagi membina dan mengukuhkan asas pendidikan dan nilai-nilai murni dalam kehidupan kanak-kanak berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja. Ini sejajar dengan matlamat pendidikan prasekolah bagi menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek pertumbuhan diri yang seimbang bagi menghasilkan individu yang bermanfaat dan berfaedah kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Kurikulum prasekolah menyediakan kanak-kanak dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran asas melalui lima domain pembelajaran iaitu:

1

Perkembangan Diri dan Sosial - Asuhan Budi

2

Perkembangan Kognitif:

- a. Literasi - Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Prabaca, Awal Baca, Bacaan, Pratuluis, Asas Tulisan dan Tulisan
- b. Numerasi - Pranombor dan Awal Nombor
- c. Awal Sains

3

Perkembangan Estetika dan Daya Kreatif:

- a. Lukisan dan Kerja tangan
- b. Nyanyian
- c. Cerita dan lakonan

4

Perkembangan Fizikal:

- a. Kesihatan dan Keselamatan
- b. Pergerakan dan Permainan

5

Perkembangan Teknologi Info-komunikasi - Pengenalan awal ICT

Kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat ini adalah kaedah bertema dan berinspirasi kaedah projek. Terdapat 11 tema pengajaran yang berpusatkan kepada kanak-kanak telah disediakan bagi memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada kanak-kanak tentang kehidupan dan alam persekitaran. tema-tema pengajaran tersebut adalah seperti berikut:



Kaedah pengajaran bertema ini dijalankan secara berintegrasi iaitu setiap perkembangan dan kemahiran saling berhubungkait di antara satu dengan yang lain. Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara terancang melalui pelbagai aktiviti bagi meningkatkan perkembangan kanak-kanak secara holistik iaitu sosial, emosi, fizikal, kognitif, moral dan kreativiti.

Berpandukan kepada tema-tema pengajaran yang disediakan, guru-guru dapat merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan pengalaman dan perkembangan kanak-kanak. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut, kanak-kanak didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran asas dan baharu yang diperolehi sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mempelajari tajuk-tajuk tertentu dengan lebih meluas.

Elemen-elemen asas pertanian didedahkan kepada kanak-kanak secara tidak langsung melalui mata pelajaran Awal Sains menggunakan tema Makanan dan Minuman, Tumbuh-tumbuhan, Binatang dan Pekerjaan seperti dalam rajah berikut.

Tumbuh-tumbuhan

- Mengenal dan menyebut nama jenis-jenis tumbuhan.
- Mengenal bahagian-bahagian tumbuhan.
- Mengenalpasti keperluan-keperluan asas tumbuhan untuk hidup dengan subur seperti air, matahari, udara dan sebagainya.
- Membuat ujikaji pertumbuhan tumbuh-tumbuhan melalui aktiviti menanam biji benih
- Aktiviti berkebun
- Mengetahui hasil-hasil yang boleh didapati daripada tumbuhan yang boleh dijadikan sumber makanan.

Pekerjaan

- Mengenal dan menyebut jenis pekerjaan
- Mengenal tugas-tugas mengikut pekerjaan

Makanan dan Minuman

- Mengenal dan menyebut nama jenis-jenis sayuran dan buah-buahan.
- Makanan dan minuman yang dihasilkan daripada sayur-sayuran dan buah-buahan.

Binatang

- Mengenal dan menyebut jenis-jenis binatang termasuk binatang ternakan.
- Hasil ternakan yang dijadikan sumber makanan dan pendapatan

**Asas
Pendidikan
Pertanian**

Bagi memantapkan kualiti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah bertema ini, guru menggunakan pelbagai pendekatan yang bersesuaian yang membolehkan kanak-kanak terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka. Dalam Kaedah Projek salah satu elemen yang terkandung di dalamnya adalah Peta Minda. Peta Minda merupakan suatu cara fizikal untuk menunjukkan atau memperlihatkan luahan pendapat atau idea kanak-kanak semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Antara tujuan mengadakan Peta Minda dalam pengajaran dan pembelajaran ialah untuk mengembangkan pemikiran kanak-kanak mengenai suatu tema/tajuk secara lebih fokus. Proses pengembangan Peta Minda membolehkan kanak-kanak terlibat secara aktif meneroka, mencuba, memanipulasi, membuat eksperimen, mencipta dan menyelesaikan masalah. Melalui pendekatan ini kesemua mata pelajaran dapat diintegrasikan dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah lebih menarik dan menyeronokkan. Contoh Peta Minda mengenai tema Tumbuh-tumbuhan adalah seperti berikut.

Peta Minda tema tumbuh-tumbuhan



Peta Minda menunjukkan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada atas pendidikan pertanian yang dapat memberikan faedah kepada kanak seperti berikut.

1. Mendapatkan pengalaman sebenar tentang cara-cara bercucuk-tanam dan menjaga tanaman.
2. Memupuk nilai-nilai murni dan positif dalam diri kanak-kanak seperti menghargai ciptaan Allah, menghargai keindahan alam sekitar, sikap sayang, rajin, bertanggungjawab, bekerjasama, tolong-menolong dan sebagainya.
3. Meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak iaitu mengenal, menganalisa dan membuat andaian, menaakul dan membuat penemuan.
4. Membina kefahaman kanak-kanak mengenai tumbuhan dan proses menanam tumbuhan.
5. Meningkatkan keyakinan diri kanak-kanak.
6. Meningkatkan daya kreativiti kanak-kanak seperti capan, kolaj, hasil-hasil kraftangan dan sebagainya daripada tumbuh-tumbuhan.

